

DATUK JAAFAR HAJI MOHAMAD D.K.,  
S.P.M.J., C.M.G.,  
MENTERI BESAR JOHOR  
YANG PERTAMA  
1886 – 1919

Oleh

M.A. FAWZI MOHD BASRI

*Jabatan Sejarah*

*Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Pernah saya kemukakan dalam satu artikel sejarah menyatakan 'Johor' adalah sebuah negeri yang unik dalam konteks sejarah Malaysia.<sup>1</sup> Kerajaan Johor yang ada pada hari ini telah diasaskan pada dekad-dekad awal abad kesembilan belas. Sistem politiknya dapat dikatakan dalam periode transisi bila Temenggung Ibrahim mendapat kuasa dan kekuasaan (power and authority) mahupun *de facto*, ataupun *de Jure* dalam tahun 1855.

Di masa pemerintahan Temenggung Ibrahim menguasai Johor, Encik Long atau Abdullah B. Tok Mohd. Tahir telah dilantik menjadi *Menteri* kepada Temenggung itu. Jawatan *Menteri* ini kemudian dipegang untuk beberapa waktu oleh keturunan Encik Long Menteri, yang mengakui mereka adalah dari keturunan Bendahara Paduka Raja Johor dan Bendahara Kerajaan Melaka.<sup>2</sup> Setakat ini tidak dapat dibuktikan adakah Jawatan *Menteri* dan kemudiannya *Menteri Besar* merupakan *ascribed status* ataupun *achieved status*. Setelah kematian Abdullah Mohd. Tahir atau Encik Long Menteri pada 14 Januari, 1863 hingga tahun 1866 wujud seolah-olah satu *vacuum* pada Jawatan ini. Dan pada tahun 1886 Jawatan *Menteri* itu dikenali pula dengan *Menteri Besar*. Jaafar Haji Mohammad adalah Menteri Besar Johor yang pertama.

---

<sup>1</sup> M.A. Fawzi Basri, "Johor Negeri Melayu Yang Tidak Pernah di takluk oleh Inggeris", *Berita Minggu*, Kuala Lumpur, 12 Mac, 1972.

<sup>2</sup> Lihat Penerangan Othman B. Datuk Abdul Hamid, *Salasilah Tok Abdul Jabbar b. Tok Othman*, Johor Bahru, 1967.



Dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura dalam tahun 1838, Jaafar Haji Mohammad dipercayai telah mendapat didikan pelajaran Melayu dan Inggeris. Di masa berusia 16 tahun Jaafar Haji Mohammad telahpun memegang jawatan *Pelatih Kerani* di Pejabat bapa saudaranya Encik Long Menteri kepada Temenggung Ibrahim:

Tatkala orang-orang muda pada zamannya itu bermain-main maka Encik Jaafar itu telah bekerja dan melatihkan dirinya di dalam pekerjaannya itu bagi melayakkan dirinya memegang jawatan yang besar sekali yang boleh di jawat oleh seorang rakyat Melayu yang tidak berapa tahu – kemudian telah di terima daripada almarhum Sultan Abu Bakar.<sup>3</sup>

Dalam tahun 1856 beliau telahpun memegang Jawatan *Kerani Besar*<sup>4</sup> di Pejabat Menteri (Besar) dan kemudiannya dikurniakan gelaran *Datuk Bentara*.<sup>5</sup> Sehingga tahun 1886 adalah dipercayai Datuk Jaafar telah memangku Jawatan *Menteri* itu. Akhirnya berdasarkan kebolehnya dalam pentadbiran negeri Maharaja (Sultan) Abu Bakar telah melantik Datuk Jaafar sebagai Menteri Besa Johor yang pertama dalam Sejarah kesultanan Johor Moden dalam tahun 1886.

Lawatan keluar negeri adalah satu 'tradisi' yang diamalkan oleh Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim Johor. Datuk Jaafar Menteri Besar Johor telah mengiringi Sultan Abu Bakar dalam lawatan pertamanya ke Eropah dalam tahun 1886. Malah kerana lawatan itu juga beliau pernah memangku tugas Raja:

---

<sup>3</sup> Onn B. Jaafar, [ed.], *Selamat Johor* (majallah), Singapura, 1935.

<sup>4</sup> Lihat M.A. Pawazi Mohd. Basri, *Sejarah Ringkas Batu Pahat: 1880 - 1917*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1972, Lampiran 'A'.

<sup>5</sup> Sistem gelaran pembesar Johor abad ke 19 ini agak berbeda dari sistem kerajaan Melayu Tradisi, kebanyakan pembesarnya *tidak buta huruf*, biasanya berpendidikan Melayu, sekolah agama dan Inggeris. Antara jawatan-jawatan yang biasanya diketuai oleh pembesar bergelar ialah kehakiman (Datuk Hakim), Jabatan Tanah, Ukor dan Hasil (Datuk Bentara Luar) Pentadbiran Dalam Negeri (Datuk Bentara Dalam), Protokol (Datuk Istiadat), Wakil Pemerintah Kawasan, pantai Timur Johor (Datuk Penggawa Timur), wakil Pemerintah pantai Barat Johor (Datuk Penggawa Barat) dan lain-lain lagi. Pemerintah daerah Muar, Batu Pahat, Endau (kemudian di mansuhkan) dan Segamat di gelar Pesuruhjaya Kerajaan. Apabila *Perlembagaan Negeri Johor* 1895 diistiharkan satu Jemaah Menteri dan Majlis mesyuarat Undangan Negeri telah dilantik, ahli-ahlinya terdiri dari Datuk-Datuk Pembesar Negeri dan kerabat istana.



Maka dalam masa penghujung kerajaan almarhum itu maka Datuk Jaafar itulah kepercayaanya menjalankan perentahan kerajaan Johor dalam masa-masa peninggalannya berangkat menziarahi negeri-negeri asing.<sup>6</sup>

Dalam tahun 1904 Datuk Jaafar telah dilantik oleh Sultan menjadi Pemangku Raja dan telah meraikan Perjawatan Y.M.M. Putera Arthur of Connaught ke Tanah Melayu.<sup>7</sup> Sebelum itu Puan Florence Caddy<sup>8</sup> yang melawat Johor dalam tahun 1889 mencatatkan percakapan antara Datuk Jaafar dengan Duke Sutherland semasa Datuk Jaafar membuat Jemputan rasmi Kerajaan Johor untuk Duke Sutherland mengadap Sultan Johor:

*'This is, indeed a great moment,' says the Duke as the Prime Minister of the Sultan of Johore is announced, Looking for all the world like a near English groom. He [Datuk Jaafar] brought a letter and a message. The Sultan is in Singapore, and hopes soon to hear that his Grace is able to come to Johore. Does he include the ladies in his invitation? 'Oh! yes, indeed, His Highness's heart will be full of pleasure, if the ladies will favour him by a visit.'*

Datuk Jaafar dianggap oleh Pegawai Inggeris Negeri Selat sebagai *straight forward man*. Ini tidaklah bermaana Datuk Jaafar sentiasa mengikut telunjuk. Datuk Jaafar turut sama dengan Datuk Sri Amar Di Raja untuk menentang cita-cita Inggeris menakluk Negeri Johor. Sehingga terjadi sedikit keretakan hubungan dengan Sultan,<sup>9</sup> *iaitu langkah yang ditunggu oleh Inggeris.*

*To make matters worse, the Chief Minister (Menteri Besar) of Johore and the State Secretary, - among other Johore officials, disapproved of Sultan Ibrahim's conduct. The Men-*

---

<sup>6</sup> Onn Jaafar, *Selamat Johor*, ms. 78.

<sup>7</sup> Gambarnya bersama Putera Arthur dan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan juga Sultan Selangor dan lain-lain pembesar dapat di lihat dalam *Ibid*, ms. 84.

<sup>8</sup> *To Sam and Malaya in the Duke of Sutherland's Yatch San Peur*, London, 1889.

<sup>9</sup> E. Thio, *British Policy In The Malay Peninsula: 1880 - 1910*, Singapore, 1969.

*tri Besar told Anderson that during the Sultan's brief periods of residence in Johore he was so impulsive and erratic that 'he only upset things and created difficulties' for others to face.*

Dengan sepucuk surat yang dideraf oleh C.B. Buckley Sultan Ibrahim menyatakan:<sup>10</sup>

Datuk Menteri seperti yang diketahui (Datuk) telah tua (dan), kalau Datuk Mohammad (Setiausaha Negeri) jatuh sakit . . . tiada siapa yang akan menolong saya dan menasihatkan saya.

Bermaana di situ Sultan bersetuju menerima seorang *General Adviser* pada tahun 1910. Iaitu suatu yang tiada direlai oleh Datuk Jaafar.

Datuk Jaafar juga turut sama mengemaskan jentera kerajaan:

*Credit for the state of affairs in Johore Bahru seems to belong more to Abu Bakar who had laid the foundations of a modern administration; to officials such as the Datuk Menteri (the Chief Minister who had the respect of Malays as well as Europeans).*<sup>11</sup>

Kerana kebaktian pada negerilah menyebabkan Datuk Jaafar telah di kurniakan pingat kebesaran Negeri:<sup>12</sup>

Pada 29 Syawal 1303 Hijrah bersamaan dengan 31 Julai 1886 maka allah yarham itu Datuk Jaafar ialah seorang daripada lapan orang Pegawai-pegawai Johor yang menerima kurnia Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (*S.P.M.J.*) dari Almarhum Abu Bakar pada waktu mula-mula di jadikan Darjah itu juga Darjah Kerabat (*D.K.*) yang kedua dan pada 17 Rejab 1321 telah di naikkan darjah yang pertama oleh yang maha mulia Sultan Ibrahim.

---

<sup>10</sup> K. Sinclair, "British Advance In Johore: 1885 - 1914," *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, (Singapura), Jil. 40, Bahagian 1, 1967, ms. 105.

<sup>11</sup> E. Thio, *British Policy*, 234.

<sup>12</sup> Onn Jaafar, *Selamat Johor*.



kerajaan Inggeris juga telah memberi penghormatan atas jasa bakti Datuk Jaafar kepada kerajaan Inggeris di abad ke 19 itu:

Oleh kerana perusahaan [sic] dan jasanya berkenaan dengan menolong menyesuaikan pergaduhan di Negeri Pahang dan juga di Kelang maka Datuk Jaafar itu telah di kurniakan oleh yang maha mulia Queen Victoria bintang pangkat yang ketiga bagi darjah St. Michael dan St. George (C.M.G.) . . . .<sup>13</sup>

Selaku Pegawai Kerajaan, Datuk Jaafar telah memberi perkhidmatan yang ikhlas untuk negerinya menurut satu buku kenangan *Hari Keputeraan Sultan Johor yang ke 76*<sup>14</sup> dinyatakan Datuk Menteri Besar yang pertama itu telah berkhidmat dari 1886 hingga 30hb. Julai, 1890, namun saya rasa kenyataan ini agak meragukan kerana dokumen-dokumen yang pernah dikaji oleh E. Thio dan K. Sinclair menunjukkan ada Menteri Besar diantara 1890 - hingga 1914 (tarikh kajian mereka). Malah Perlembagaan Negeri Johor 1895 telah di tandatangani bersama oleh Datuk Menteri Besar Jaafar Haji Mohamad. Adalah satu yang mustahil terdapat satu kekosongan jawatan Menteri Besar dari 1890 - 1920 bila Datuk Mohamad Mahbob menjadi Menteri Besar yang Kedua. Timbalan Menteri Besar sebelum Datuk Mohamad Mahbob dilantik ialah Datuk Bentara Dalam Ibrahim b. Haji Abdullah Munshi dan bila ia meninggal dunia diganti oleh Datuk Mohamad Mahbob.

Di tahun 1904 dan seterusnya C.O. 273 iaitu Rekod Pejabat Tanah Jajahan Inggeris menunjukkan ada disebutkan *Menteri Besar Johor*. Oleh itu adalah dipercayai Datuk Mohamad terus memegang jawatan Menteri Besar hingga tahun 1919. Dan dapatlah diterima kenyataan yang Datuk Mohamad Mahbob telah memangku tugas Menteri Besar Johor setelah Datuk Jaafar meninggal dunia sehinggalah ia dilantik menjadi Menteri Besar yang kedua pada 16 Julai, 1920.

---

<sup>13</sup> *Ibid*

<sup>14</sup> Disusun oleh Mohd. Mahir b. Haji Ahmad dan Sulaiman Mohd. Salleh dan diterbitkan oleh kerajaan Negeri, Johor Bahru, Okt., 1970, lihat ms. 57. Buku ini mensenaraikan nama-nama Menteri Besar Johor:

Menteri Besar yang pertama telah meninggal dunia pada 3hb.Julai 1919 di rumahnya di Bukit Senyum, dan dikebumikan di Bukit Mahmudiah Johor Bahru.

---

- 
- 1 — YAB Datuk Jaafar Mohamad\* (1886-30.7.1890 [?])
  - Yang ke 2 — YAB Datuk Mohamad Mahbob (16.7.1920-1.9.1922)
  - Yang ke 3 — YAB Datuk Abdullah Jaafar\* (17.9.1923-16.9.1928)
  - Yang ke 4 — YAB Datuk Mustafa Jaafar\* (16.9.1928) hingga 23.11.1931
  - Yang ke 5 — YAB Datuk Abdul Hamid Yusuf (23.11.1931-28.12.1934)
  - Yang ke 6 — YAM Ungku Abdul Aziz Abdul Hamid (4.4.1935-1.6.1947)
  - Yang ke 7 — YAB Datuk Onn Jaafar\* (1.6.1947-18.5.1950)
  - Yang ke 8 — YAB Datuk Syed Abdul Kadir Mohamad (20.2.1952-5.6.1955)
  - Yang ke 9 — YAB Datuk Wan Idris Ibrahim (1.10.1955-16.6.1957)
  - Yang ke 10 — YAB Datuk Haji Hassan Yunus (27.6.1959-31.1.1967)
  - Yang ke 11 — YAB Datuk Haji Oehman Saad (Menteri Besar sekarang)

\*Dari Famili yang sama